



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KOLEJ KOMUNITI
BAYAN BARU

Buletin AROMA KKBU 2022

BIL. 1 | JANUARI - DISEMBER 2022



Pertandingan Battle of The Chef (BOTC) 2022

- Pencapaian Pelajar : 3 Bronze & 1 Diploma
- Pencapaian Pensyarah : 1 Silver, 2 Bronze & 2 Diploma



Mesyuarat KSP Kolej Komuniti Bayan Baru di Hotel Raia Alor Setar

- Lulusan KOHORT 3 : 264 orang
- Lulusan KOHORT 4 : 145 orang



Kursus Intensif Kemahiran Pelajar Myccskills - Road To Lyon 2024

Memperlengkapkan dan memperkukuhkan lagi kemahiran peserta dari segi teknik dan keperluan industri.

Diterbitkan oleh



PENGARAH

Kolej Komuniti Bayan Baru
No 2 Persiaran Paya Terubong 1
11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang
Telefon : 04-646 0011
Faks : 04-646 0022

Terbitan Pertama 2023

Hak cipta ©Kolej Komuniti Bayan Baru ©Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau ditukarkan ke dalam sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.



Jawatankuasa
SIDANG REDAKSI
AROMA KKBU 2022
KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU

Pengerusi	Puan Mawar Qadijah binti Ishak
Timbalan Pengerusi I	Puan Shahida binti Abd Rahim
Timbalan Pengerusi II	Puan Noor Sarena binti Mohd Zahid
Ketua Editor	Cik Kumuthavaani a/p Valathi Vellu
Editor	Puan Fadzliyana binti Fadzil -Pentadbiran
	Puan Abda Hamida binti D.Abd Hameed-Unit Peperiksaan
	Encik James Khor Haan Khaun- Keselamatan
	Puan Hasnah binti Hassan-Latihan
	Encik Nabil Fikri bin Abu Haniffa-PSH
	Puan Tuti Zalina binti M.E.Zahar-Pengambilan
	Encik Yeoh Kean Hun-PPIA
	Encik Mohd Munzir bin Maghribi-PPP
	Encik Nor Azman bin Jamaludin-Sukan
	Encik Ahmad Mustaffa Kamal bin Razaly- KUPIK/ KP KPM
	Cik Alia Nabila binti Hamzah-Keusahawanan
	Puan Noor Azizah binti Ibrahim-KP PASTRI
	Cik Nor Salfina binti Said-KP STK
	Puan Norhafizah binti Abdul Rahman-KU Pengajian AM
Pereka Grafik	En.Mohd Rizuan bin Razaly
Teknikal	Puan Siti Nooraziah binti Mohamad
Peg.khidmat Pelanggan/ Setiausaha	Cik Junaidah binti Abdul Jalil

Kandungan

Sidang Redaksi AROMA KKBU 2022 Kolej Komuniti Bayan Baru	4
WECHAT(WeekendChit-ChatHi-Tea)2022.....	6
"Small Changes Huge Results" Kolej Komuniti Pulau Pinang Tahun 2022 (SMASH 2022)	8
Kursus Pendek Kolej Komuniti Bayan Baru 2022	10
Kursus Intensif Kemahiran Pelajar Myccskills -Road to Lyon 2024 - <i>Beauty Therapy, Hairdressing & Pastrri</i> (Khas).....	12
Karnival Sayang PolyCC2022.....	14
Hari Penyerahan Sijil Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2021	16
Hari Pendaftaran Pelajar & Hari Suai Kenal Sesi I 2022/2023	18
<i>CommunityCollegeNRG-SHETik-TokCompetition2022</i>	20
Ceramah Keselamatan dan Kawad Pengungsian Bangunan	21
Bengkel Pemilihan Atlet Woodball Kolej Komuniti Malaysia 2022	23
Bengkel Pemurnian Modul dan Resepsi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Sijil Pastrri	24
Bengkel Orientasi Kurikulum bagi Program Pastrri (<i>Chocolate Art and Confectionary</i>)	26
Bengkel Kemahiran " <i>Kick Start of Bakery Cafe Restaurant (Hi Tea Workshop)</i> " Pelajar Sijil Pastrri & Sijil Asas Pastrri Kolej Komuniti Bayan Baru 2022	28
<i>Battle of The Chef</i> (BOTC) 2022	30
Dirgahayu Malaysiaku 2022.....	33
Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pulau Pinang 2022	34
Kursus Asas Pertahanan Awam Pelatih APM Kolej Komuniti Bayan Baru 2022	36
Aktiviti & Pencapaian Unit Sukan Kolej Komuniti Bayan Baru 2022	38
Hari Anugerah Kecemerlangan Pelajar KKBU 2022	41
Perhimpunan Bulanan Pensyarah dan Staf Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2022	42
Mesyuarat Kolaborasi di antara Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti bersama Industri Spa dan Terapi Kecantikan	43
<i>Business Innovation Pitching Competition 2022</i> (BIPC) Peringkat Kebangsaan	44
Experiental Learning Pelajar Khas Sijil Asas Pastrri Kolej Komuniti Bayan Baru 2022	46
Program Semarak Cinta Ramadhan 2022	48
Kursus Akaun Amanah Latihan Khas Pengurusan Jenazah	49
Pertandingan Inovasi Keusahawanan Piala Menteri Pengajian Tinggi 2022	50
Program A&Q : IR 4.0 Merentas Kurikulum	52

Sidang Redaksi

AROMA KKBU 2022

KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU

BIL. 1 | JANUARI - DISEMBER 2022



MAWAR QADIJAH BINTI ISHAK

Pengerusi



SHAHIDA BINTI ABD. RAHIM

Timbalan Pengerusi I



NOOR SARENA BINTI MOHD ZAHID

Timbalan Pengerusi II



KUMUTHAVAANI A/P VALATHI VELLU

Ketua Editor



FADZLIYANA BINTI FADZIL

Editor (Pentadbiran)



**ABDA HAMEEDA BT.
D. ABD HAMEED**

Editor (Peperiksaan)



JAMES KHOR HAAN KHAUN

Editor (Keselamatan)



HASNAH BINTI HASSAN

Editor (Latihan)



NABIL FIKRI BIN ABU HANIFFA

Editor (PSH)



TUTI ZALINA BT. M. ERNES ZAHAR

Editor (Pengambilan)



YEOH KEAN HUN

Editor (PPIA)



MOHD MUNZIR BIN MAGHRABI

Editor (PPP)



NOR AZMAN BIN JAMALUDIN
Editor (Sukan)



**AHMAD MUSTAFFA KAMAL
BIN RAZALY**
Editor (KUPIK & KP KPM)



ALIA NABILA BINTI HAMZAH
Editor (Keusahawanan)



NOOR AZIZAH BT. IBRAHIM
Editor (KP Pastri)



NOR SALFINA BINTI SAID
Editor (KP STK)



NORHAFIZAH BT. ABDUL RAHMAN
Editor (KU Pengajian Am)



MOHD RIZUAN BIN RAZALI
Pereka Grafik



SITI NOORAZIAH BT. MOHAMAD
Teknikal



JUNAIDAH BT. ABDUL JALIL
Peg. Khidmat Pelanggan /
Setiausaha

WECHAT (WEEKEND CHIT-CHAT HI-TEA) 2022

Yeoh Kean Hun



WECHAT (WEEKEND CHIT-CHAT HI-TEA) 2022

26 November 2022 – Unit Kolaborasi dan Keusahawanan (UKK), Kolej Komuniti Bayan Baru telah bekerjasama dengan pihak industri- The Meeting Place menganjurkan satu Program CSR (*Corporate Social Responsibility*) **WECHAT (WEEKEND CHIT-CHAT HI-TEA) 2022** di The Meeting Place.

Objektif utama program ini adalah memberi peluang kepada para pelajar khas mendekati diri dengan senario sebenar di dalam bidang pekerjaan dalam industri agar mereka lebih yakin pada kemahiran diri, komunikasi dan meningkatkan lagi keyakinan diri dan menceburi dalam keusahawanan pada masa depan.

Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan penjualan voucher *Hi-Tea session* kepada orang awam dengan *buffet style* agar orang awam dapat datang ke tempat tersebut untuk menikmati *pasty* yang dihasilkan oleh pelajar khas KKBU.

Ini merupakan satu titik permulaan yang bagus dimana pelajar khas dapat peluang mendekati dengan masyarakat dengan hasil produk mereka dan membina keyakinan diri pada mereka. Secara tidak langsungnya, ia juga dapat mempromosikan KKBU dan hasil produk pelajar kepada orang awam.

WECHAT (Weekend Chit-Chat Hi-Tea) 2022



**Program Motivasi dan Pendidikan Kerjaya Di Kalangan Pelajar
Kolej Komuniti Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022**

18 – 20 Oktober 2022

Noor Sarena binti Mohd Zahid



**"Small Changes Huge Results" Kolej Komuniti Pulau Pinang Tahun 2022
(SMASH 2022)**

18 – 20 Oktober 2022- Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Bayan Baru (Pengurusan Psikologi dan Kerjaya) telah menganjurkan satu program motivasi dan kerjaya bertajuk Program Small Changes Huge Result Kolej Komuniti Pulau Pinang Tahun 2022” – (SMASH 2022). bertempat di White Resort Camp, Balik Pulau.

Objektif utama program ini adalah untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang bagi meningkatkan jati diri sebagai seorang pelajar dan menerapkan semangat kerjasama serta kepimpinan dalam apa jua bidang yang disertai.

Program ini telah disertai oleh 33 orang pelajar dan seramai 20 orang jawatankuasa daripada Kolej Komuniti negeri Pulau Pinang. Terdapat 9 Slot pengisian program antaranya ialah *Problem Solving and Decision Making* serta aktiviti luar.

"Small Changes Huge Results" Kolej Komuniti Pulau Pinang Tahun 2022 (SMASH 2022)

Majlis pembukaan dan penutup Program SMASH 2022 telah disempurnakan oleh En. Jasni bin Yusoff selaku Pengarah Kolej Komuniti Kepala Batas merangkap Pengerusi Kolej Komuniti Zon Pulau Pinang

Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat untuk menjayakan program ini.

Semoga program ini sedikit sebanyak dapat memberikan *input* dan pencetus perubahan kepada setiap peserta- Small Changes Huge RESULTS.



PENCAPAIAN KURSUS PENDEK KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU 2022

Nabil Fikri Bin Abu Haniffa



KURSUS PENDEK KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU 2022

Tarikh – Sepanjang tahun 2022

Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat diwujudkan untuk membantu membangunkan potensi kumpulan sasar komuniti setempat. Pelbagai kursus pendek yang dilaksanakan telah menyumbang kepada pengurangan jurang tenaga mahir yang dihadapi oleh industri melalui program peningkatan kemahiran dan latihan semula (upskilling and reskilling). Kursus pendek di Kolej Komuniti Bayan Baru (KKBU) juga banyak memberi fokus kepada masyarakat serta komuniti setempat di sekitar Pulau Pinang.

Kursus pendek ditawarkan akan menjadi penghubung antara KKBU dan komuniti serta industri dengan menyediakan perkhidmatan pembelajaran secara berterusan, menawarkan kemudahan serta sumber pembelajaran yang terkini berorientasikan budaya industri dan keusahawanan kepada individu dan golongan professional di industri dan juga organisasi serta agensi awam dan swasta. PSH mampu mengembeleng potensi individu yang masih belum berada dalam pasaran kerja menerusi pelbagai peluang meningkatkan kemahiran.

Antara program yang dijalankan pada tahun 2022 :

- Woman Empowerment
- Jomniaga (usahasama NCER)
- 4IRPSH – Kursus keusahawanan Digital
- Kursus Jahitan bersama Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
- Kursus Keusahawanan Pastrri bersama Pertubuhan Sejahtera Anak Malaysia
- Program Keusahawanan Komuniti
- Program Kemahiran Tahfiz & Pondok
- Kursus Pembuatan Roti bersama pelajar SMK Sungai Ara.
- Kursus Pembuatan Pizza bersama Qariah Masjid Negeri Pulau Pinang.
- Kursus Bahasa Inggeris bersama Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang

Pelbagai kemahiran telah ditawarkan kepada komuniti setempat merangkumi kursus kemahiran masakan, pastri, solekan, refleksologi, keusahawanan, bahasa, jahitan dan banyak lagi. Semoga kursus pendek yang ditawarkan pada tahun 2022 akan memberi pelbagai manfaat kepada komuniti dan masyarakat setempat.



KURSUS INTENSIF KEMAHIRAN PELAJAR MYCCSKILLS

Norhafizah Binti Abdul Rahman



Kursus Intensif Kemahiran Pelajar Myccskills -Road To Lyon 2024 -Beauty Therapy, Hairdressing & Pastrri (Khas)

31 Oktober – 3 November 2022- Kolej Komuniti Bayan Baru telah menganjurkan Kursus Intensif Kemahiran Pelajar Myccskills -Road To Lyon 2024 bagi *Beauty Therapy, Hairdressing & Pastrri (Khas)*

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta kursus tentang kemahiran dan input sebagai persediaan untuk menghadapi pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 2024. Di samping itu, kursus ini juga bertujuan untuk memperlengkapkan dan memperkukuhkan lagi kemahiran peserta dari segi teknik dan keperluan industri.

Program peringkat kebangsaan ini telah disertai oleh 17 Kolej Komuniti dengan jumlah peserta seramai 60 orang. Kursus ini terdiri daripada tiga (3) bidang iaitu *Beauty Therapy, Hairdressing* dan *Pastrri (Khas)*. Tenaga pengajar bagi kursus ini terdiri daripada jurulatih yang terlibat secara langsung dengan pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB).

Program ini telah memberikan impak yang positif di kalangan peserta. Peserta kursus ini telah dapat meningkatkan kemahiran selaras dengan kehendak industri. Selain itu, mereka juga didedahkan tentang teknik dan input pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB).

Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh Pengarah Kolej Komuniti Bayan Baru yang dihadiri oleh Pengarah Politeknik Balik Pulau dan Pengarah Kolej Komuniti terlibat.

Kursus Intensif Kemahiran Pelajar Myccskills -Road to Lyon 2024
- Beauty Therapy, Hairdressing & Pastri (Khas)



Karnival Sayang PolyCC 2022

Ahmad Mustaffa Kamal Bin Razaly



Aktiviti dan program dibawah kelolaan Unit Asas Pastrri & Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)

3 – 5 OKTOBER 2022 – Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) merupakan penganjur bagi Program Karnival Sayang PolyCC 2022 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar kelainan upaya (OKU) dalam penganjuran aktiviti berimpak tinggi serta menjadi platform terbaik bagi pelajar OKU untuk mempamerkan bakat mereka dalam bidang sukan dan kebudayaan. Pelbagai program telah dijalankan sepanjang Program Karnival Sayang PolyCC 2022, antaranya adalah sukan Muhibbah, sukaneka, persembahan kebudayaan, lawatan ilmiah dan pameran institusi. Program Karnival Sayang PolyCC 2022 ini juga, mencari Ikon Pelajar Istimewa POLYCC 2022 yang mempunyai pencapaian yang cemerlang dalam akademik, sukan, kepimpinan atau sumbangan penglibatan aktiviti luar yang lain.

Objektif Program

- 1) Memperkembangkan bakat dan potensi pelajar.
- 2) Meningkatkan tahap keyakinan diri pelajar melalui aktiviti bersuasanakan karnival.
- 3) Meningkatkan jati diri dan semangat patriotisme pelajar melalui aktiviti sukan, kebudayaan serta bakat dan seni.
- 4) Membentuk sikap insan yang mempunyai keyakinan diri serta disiplin yang tinggi.

Impak Program

Impak Kepada Pelajar dan Pensyarah

- 1) Memberikan pengalaman yang baharu dalam pembelajaran sebagai bekalan di alam pekerjaan
- 2) Memperolehi kemahiran dan pengetahuan melalui aktiviti karnival
- 3) Meningkatkan produktiviti dan kreativiti pelajar dan pensyarah
- 4) Meningkatkan kecekapan pelajar dan pensyarah
- 5) Menjadikan persekitaran sesi pembelajaran lebih kompetitif
- 6) Menilai semula proses kerja yang sedia ada untuk pembaharuan

Impak Kepada Institusi

- 1) Meningkatkan kualiti program sijil asas pastri yang di tawarkan
- 2) Meningkatkan kecekapan tenaga pengajar dan pelajar
- 3) Membentuk imej yang baik kepada institusi pengajian
- 4) Memotivasikan pensyarah dan pelajar

Kesimpulan

Hasil daripada penyertaan pelajar yang terlibat dalam karnival ini, diharap dapat memberikan impak yang positif kepada Kolej Komuniti Bayan Baru dalam melahirkan pelajar yang mempunyai keupayaan dan jati diri yang tinggi pada masa akan datang, seterusnya dapat mempamerkan bakat serta mampu untuk menyesuaikan diri dan bersaing di alam pekerjaan yang lebih mencabar setelah menamatkan pengajian kelak.



Hari Penyerahan Sijil Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2021

Abda Hamida Binti D Abdul Hameed



Hari Penyerahan Sijil Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2021

29 Januari 2022- Kolej Komuniti Bayan Baru telah menganjurkan Hari Penyerahan Sijil Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2021.

Objektif utama program ini adalah Kolej Komuniti telah mula melahirkan lulusan dalam pelbagai bidang dan bagi menghargai lulusan yang telah berjaya menamatkan pengajian dengan mengadakan majlis konvokesyen setiap tahun bermula 2004.

Majlis Penyerahan Sijil Kolej Komuniti ini dirancang untuk meraikan lulusan Kolej Komuniti Bayan Baru yang berjaya menamatkan pengajian mereka dengan jayanya pada tahun 2020 dan 2021.

Hari Penyerahan Sijil Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2021

Semoga dengan majlis ini, boleh dijadikan sebagai pencetus semangat para graduan Kolej Komuniti Bayan Baru untuk terus mencapai kejayaan dan kecemerlangan di peringkat yang lebih tinggi.

Semua lulusan kohort 1 (lulusan Jun 2020), dan Kohort 2 (lulusan Februari 2021) yang telah tamat pengajian dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi. Bilangan keseluruhan graduan Kolej Komuniti Bayan Baru adalah seramai 66 orang.

Graduan

1. Sijil Asas Pastrri	11 orang
2. Sijil Pastrri	47 orang
3. Sijil Terapi Spa Dan Kecantikan	8 orang

IMPAK PROGRAM

- Dapat memberi motivasi besar kepada pelajar supaya sentiasa cemerlang.
- Dapat menanam sikap bersaing secara positif sesama rakan sebaya untuk lebih cemerlang di masa hadapan.
- Dapat membina keyakinan diri untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik mahupun keusahawanan



**HARI PENDAFTARAN PELAJAR & HARI SUAI KENAL SESI I 2022/2023
KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU (KKBU)**

Tuti Zalina binti Mohamad Ernes Zahar

17 – 18 Ogos 2022- Unit Pengambilan Pelajar dan Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Bayan Baru telah menganjurkan program berkala Hari Pendaftaran Pelajar & Hari Suai Kenal Sesi I 2022/2023 di Aras 2, Kolej Komuniti Bayan Baru.

Hari Pendaftaran Pelajar merupakan hari permulaan pelajar mendaftar untuk sesi dan semester baharu. Ia diadakan setiap kali adanya pengambilan pelajar baharu dan sesi permulaan pengajian semester. KKBU menawarkan dua (2) program iaitu Sijil Pastro (SPT) dan Sijil Terapi Kecantikan dan Spa (STK) untuk Sesi I 2022/2023.

Hari pendaftaran telah berjalan dengan lancar. Seramai 33 orang pelajar baharu telah mendaftar pada Ambilan Sesi I 2022/2023 dengan norma pengambilan 45 orang. Jumlah pelajar berdaftar keseluruhan (enrolmen pelajar) bagi Sesi I 2022/2023 adalah seramai 121 orang.

Majlis Program Hari Pendaftaran Pelajar & Hari Suai Kenal Sesi I 2022/2023 telah disempurnakan oleh Pengarah Kolej Komuniti Bayan Baru, Puan Mawar Qadijah binti Ishak.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga KKBU turut terlibat menjayakan program ini setiap sesi tanpa mengenal penat lelah.

Semoga program ini dapat memberi pendedahan yang positif kepada pelajar baharu dan memberi impak kepada penambahan enrolmen pelajar pada masa akan datang.





COMMUNITY COLLEGE NRG-SHE SAFETY TIK TOK COMPETITION 2022

James Khor Haan Khaun



Kolej Komuniti Bayan Baru telah menyertai Community College NRG-SHE Safety TikTok Competition 2022 yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Tasek Gelugor dan telah mendapat tempat ke-5 dalam pertandingan tersebut. Semua kolej komuniti zon utara mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut, tajuk yang berkaitan dengan keselamatan di dalam bengkel dan makmal diutamakan. Objektif pertandingan ini adalah untuk memupuk pelajar-pelajar kolej komuniti supaya sentiasa peka dengan “hazard” tempat berisiko yang terdapat di makmal dan bengkel semasa berada di kolej komuniti.



CERAMAH KESELAMATAN DAN KAWAD PENGUNGSIAN BANGUNAN KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU

James Khor Haan Khaun



Dikendalikan oleh Unit Keselamatan dan Kesihatan KKBU dan dibantu oleh Bomba Bayan Baru.

25 Mei 2022 - Kolej Komuniti Bayan Baru telah mengadakan satu ceramah keselamatan dan kawad pengungsian bangunan pada 25 Mei 2022. Tujuan utama latihan tersebut adalah untuk melatih para pelajar Kolej Komuniti Bayan Baru mengetahui laluan utama keluar dari bangunan dan juga laluan alternatif melarikan diri apabila berlaku kebakaran. Selain daripada itu, latihan ini juga melatih para pelajar dan juga staf cara-cara memadamkan api apabila berlaku kebakaran dan juga cara menggunakan alat pemadam api Jenis ABC.



Ceramah Keselamatan dan Kawad Pengungsian Bangunan

Objektif:

- Memberi kesedaran warga kolej komuniti tentang isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan diri, pertolongan cemas dan juga isu-isu kebakaran.
- Mencegah berlakunya kebakaran serta kawad pengungsian bangunan.
- Cara-cara memadamkan api serta mengetahui laluan kecemasan semasa berlaku kebakaran.



BENKEL PEMILIHAN ATLET WOODBALL KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2022

FATIN BALQISH BINTI MOHD HANIF



ANJURAN PUSAT KECEMERLANGAN BAKAT ATLET KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA (PKBAT) SUKAN WOODBALL

9 MAC 2022 - Objektif yang akan dicapai dalam program yang dianjurkan.

- Memberi peluang kepada pemain untuk mendapatkan pengalaman berkenaan teknik permainan yang lebih mantap dan kembali mengasah bakat mereka yang telah lama tidak menyertai kejohanan woodball.
- Mendedahkan pemain kepada lapangan laman woodball yang mempunyai kepelbagaian bentuk muka bumi supaya mereka dapat lebih kemahiran untuk membuat pukulan dan memantapkan teknik permainan.
- Menggilap bakat para pemain supaya lebih berkemahiran di samping menambah ilmu dari segi kemahiran permainan.
- Menanam semangat kesukanan dan positif dalam memberikan saingan yang sihat kepada pihak lawan dalam setiap perlawanan.



BENGGEL PEMURNIAN MODUL DAN RESEPI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP) SIJIL PASTRI

Noor Azizah Binti Ibrahim



Aktiviti dan program dibawah kelolaan Unit Pastrri

Tarikh – 20-22 Mei 2022

Bengkel Pemurnian Modul dan Resepi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sijil Pastrri ini diadakan khusus untuk semua pensyarah Unit Pastrri, Kolej Komuniti Bayan Baru. Turut bersama dalam program ini ialah Timbalan Pengarah, Puan Shahida Binti Abd Rahim selaku penasihat dan juga pemudahcara. Bengkel yang telah dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk mengemaskini modul pengajaran (PdP) dan pembelajaran bagi setiap kursus **Sijil Pastrri** dan dikumpulkan untuk kemudahan mengajar dan rujukan semua pensyarah. Bengkel ini berlangsung selama 3 hari 2 malam bertempat di Hotel Grand Baron, Taiping, Perak.

Bengkel Pemurnian Modul dan Resepi Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Sijil Pastrri

Objektif utama bengkel ini diadakan ialah :

- Mengemaskini nota dan resepi bagi setiap kursus yang terlibat.
- Menyeragamkan format *standardized recipe* yang digunakan.
- Menyediakan buku resepi untuk digunakan di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan bengkel ini telah memberi impak positif kepada semua peserta yang terdiri dari pensyarah pastrri Kolej Komuniti Bayan Baru kerana telah berjaya mendokumenkan semua nota, resepi dengan format yang lebih standard. Kesemua nota, resepi dan penilaian telah dikumpulkan secara *soft copy* dan *hard copy* dan telah mula digunapakai bermula sesi pembelajaran yang sedang berlangsung dengan jayanya.



BENKEL ORIENTASI KURIKULUM BAGI PROGRAM PASTRI (CHOCOLATE ART AND CONFECTIONARY)

Noor Azizah Binti Ibrahim



Aktiviti dan program dibawah kelolaan Unit Pastrri

23 hingga 25 Julai 2022

Bengkel Orientasi Kurikulum Bagi Program Pastrri (*Chocolate Art And Confectionary*) peringkat kebangsaan yang dilaksanakan ini menggunakan peruntukkan kewangan P64-JPKK Pembangunan Kurikulum Kolej Komuniti RMKE-12. Kolej Komuniti Bayan Baru telah dilantik menjadi penyelaras untuk kursus ini dengan kerjasama Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti. Bengkel ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada pensyarah bidang pastrri bagi meningkatkan kemahiran dalam *Chocolate Art and Confectionary* yang sentiasa berkembang dengan produk-produk dan teknik-teknik terbaharu. Disamping itu juga ia adalah sebagai persediaan untuk mengajar modul dalam Kurikulum baru yang sedang berkuatkuasa.

Para peserta untuk program ini adalah terdiri daripada 14 orang pensyarah Program Pastrri dari seluruh kolej komuniti yang menawarkan program Pastrri seluruh Malaysia iaitu Kolej Komuniti Baling, Kolej Komuniti Tasek Gelugor, Kolej Komuniti Ledang Johor, Kolej Komuniti Jeli, Kolej Komuniti Selayang dan wakil dari tuan

Bengkel Orientasi Kurikulum bagi Program Pastrri (*Chocolate Art and Confectionery*)

rumah, Kolej Komuniti Bayan Baru. Para peserta juga telah dibawa untuk melawat ke industri pembuatan coklat bertempat di Georgetown Heritage Chocolate sebagai pendedahan kepada dunia sebenar penghasilan coklat. Di situ juga para peserta didedahkan dengan penggunaan mesin bersaiz industri yang sebahagiannya tidak terdapat di institusi masing-masing.

Objektif utama bengkel ini diadakan ialah :

- Menambahkan ilmu, kemahiran dan idea baru dalam penyediaan *Chocolate Art & Confectionery*
- Memantapkan kemahiran pensyarah dalam penyediaan *Chocolate Art & Confectionery*
- Mengetahui dan mempelajari jenis-jenis produk baru dan terkini termasuk bentuk, teknik, rasa kepelbagaian *filling* dan formula-formula tertentu sepanjang sesi bengkel berlangsung.

Secara keseluruhannya, bengkel yang berlangsung selama 3 hari ini amat membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta yang hadir. Penggunaan sepenuhnya teknik terkini yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar berpengalaman iaitu chef bertaraf dunia dengan segala nota yang lengkap memberikan lebih keyakinan kepada pensyarah untuk menyampaikan ilmu bagi silibus baharu. Selain itu, pendedahan semua peserta kepada peralatan untuk menghasilkan coklat secara komersial juga dapat membantu dalam meningkatkan pengetahuan penggunaan alatan tersebut.



Bengkel Kemahiran “*Kick Start Of Bakery Cafe Restaurant (Hi Tea Workshop)*” Pelajar Sijil Pastrri & Sijil Asas Pastrri Kolej Komuniti Bayan Baru 2022

Ahmad Mustaffa Kamal Bin Razaly



Aktiviti dan program dibawah kelolaan Unit Asas Pastrri & Unit Pastrri Bersama Universiti Teknologi MARA, (UiTM) Cawangan Pulau Pinang

11 November 2022 – Program yang dilaksanakan ini adalah bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada pelajar dalam bidang pastrri bagi meningkatkan kemahiran, potensi dan bakat mereka dalam *Kick Start of Bakery Cafe Restaurant* yang sentiasa berkembang dengan produk-produk dan teknik-teknik yang terbaharu. *Kick Start of Bakery Cafe Restaurant* adalah antara cabang dalam bidang hospitaliti yang menjadi nilai tambah dalam aspek pembelajaran peserta di dalam bidang pastrri. Dalam masa yang sama, peserta juga di perkenalkan dengan modul dan teknik *Fundamental of Cafe Operation & Dining Etiquette, Hi Tea Production Skill, Basic Chocolate Art, The Art of Barista Skill* dan *Introduction to Cafe Hi Tea Service* dimana modul dan teknik ini merupakan kaedah yang terkini dalam *Kick Start of Bakery Cafe Restaurant*. Sesi pembelajaran dan latihan amali dilaksanakan sepenuhnya oleh tenaga pengajar profesional dalam bidang Pengurusan Hotel & Pelancongan UiTM. Para peserta adalah terdiri daripada 35 orang pelajar Sijil Pastrri dan 10 orang pelajar Sijil Asas Pastrri dari Kolej Komuniti Bayan Baru. Di samping itu, pelajar dapat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman tentang keadaan dan situasi sebenar di dalam industri hospitaliti khususnya pastrri.



Objektif Program

- ❖ Memberikan nilai tambah kepada peserta apabila diperkenalkan dengan teknologi yang baharu dalam *Kick Start of Bakery Cafe Restaurant*
- ❖ Memberikan impak kepada kebolehpasaran graduan dari aspek peningkatan pendapatan peserta
- ❖ Mempelbagaikan kaedah pembelajaran dimana pembelajaran yang berlangsung adalah di luar kelas
- ❖ Meningkatkan kemahiran, potensi dan bakat peserta dengan memperkenalkan mereka kepada kaedah dan teknik *Fundamental of Cafe Operation & Dining Etiquette, Hi Tea Production Skill, Basic Chocolate Art, The Art of Barista Skill dan Introduction to Cafe Hi Tea Service.*
- ❖ Sebagai persediaan pelajar untuk menjalani latihan industri dan dunia pekerjaan sebenar
- ❖ Mewujudkan jaringan kolaborasi pintar antara pihak Kolej Komuniti Bayan Baru bersama Universiti Teknologi MARA, (UiTM) Cawangan Pulau Pinang



Impak Program

Impak Kepada Pelajar

- ❖ Menanam sifat kepimpinan dalam diri para pelajar
- ❖ Para pelajar dapat berdikari dalam membuat keputusan yang mencapai satu-satu matlamat
- ❖ Menggalakkan amalan bekerjasama dan bermuafakat dalam melaksanakan satu-satu tugas
- ❖ Para pelajar berjaya menyelesaikan masalah yang timbul
- ❖ Menggalakkan para pelajar berfikir dan mencari inisiatif
- ❖ Mengasah bakat-bakat terpendam yang ada dalam diri pelajar
- ❖ Meningkatkan kemahiran berkomunikasi
- ❖ Pelajar memperolehi pengalaman dalam menjayakan satu-satu program dari persiapan awal sehingga pelaporan



Impak Kepada Institusi

- ❖ Meningkatkan kualiti program pastri yang ditawarkan
- ❖ Meningkatkan kecekapan tenaga pengajar dan pelajar
- ❖ Membentuk imej yang baik kepada institusi pengajian
- ❖ Menyediakan fasiliti program pastri yang bersesuaian
- ❖ Memotivasikan pensyarah dan pelajar

Kesimpulan

Program ini dirancang dan dilaksanakan adalah untuk membentuk jati diri pelajar yang kuat terhadap bidang hospitaliti khususnya pastri dan serta membantu memberikan kemahiran tambahan merentasi kurikulum sebagai bekalan di alam pekerjaan kelak. Kolaborasi pintar bersama institusi TVET dan pemain industri yang berkemahiran tinggi seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang didapati mampu membuka ruang yang lebih luas untuk usaha kolaborasi di masa akan datang khususnya dalam proses peningkatan kemahiran pelajar.

Battle Of The Chef (BOTC) 2022

Ahmad Mustaffa Kamal Bin Razaly



5 – 7 OGOS 2022 – Pertandingan *Battle Of The Chef* (BOTC) 2022 merupakan pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Penang Chef Association, pada setiap dua tahun mengikut bidang hospitaliti yang bertujuan mencari dan mengiktiraf peserta yang mempunyai bakat dan potensi dalam bidang hospitaliti dari seluruh dunia amnya dan dari Malaysia khususnya. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar daripada institusi pendidikan awam dan swasta serta industri yang berkaitan dengan hospitaliti dan perkhidmatan makanan sama ada di dalam dan di luar negara. Aktiviti ilmiah seperti ini dapat memberi impak nilai tambah pembangunan kognitif, psikomotor, afektif dan sosial pelajar. Nilai positif terhadap pembangunan ketiga-tiga aspek ini akan melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Impak yang diharapkan daripada pertandingan ini adalah ia dapat menimbulkan kesedaran kepada komuniti amnya dan kepada warga Kolej Komuniti khususnya tentang kepentingan dan potensi bidang pembelajaran kemahiran dalam prospek pembangunan ekonomi negara.

Objektif Program

- ❖ Mempersembahkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman peserta dalam bidang pastry untuk diketengahkan
- ❖ Memberikan gambaran positif kepada umum tentang prospek pekerjaan dan faedah yang diperolehi di dalam bidang hospitaliti khususnya bidang pastry
- ❖ Menjalinkan hubungan yang baik dengan institusi pendidikan mahupun dari pemain industri seperti industri perhotelan dan perkhidmatan makanan dari dalam dan luar negara yang menawarkan bidang

Impak Program

Impak Kepada Pelajar

- ❖ Menanam sifat kepimpinan dalam diri para pelajar
- ❖ Para pelajar dapat berdikari dalam membuat keputusan bagi mencapai satu-satu matlamat
- ❖ Menggalakkan amalan bekerjasama dan bermuafakat dalam melaksanakan satu-satu tugas
- ❖ Para pelajar berjaya menyelesaikan masalah yang timbul
- ❖ Menggalakkan para pelajar berfikir dan mencari inisiatif
- ❖ Mengasah bakat-bakat terpendam yang ada dalam diri pelajar
- ❖ Meningkatkan kemahiran berkomunikasi
- ❖ Memberi pengalaman yang baru dalam pembelajaran sebagai bekalan di alam pekerjaan
- ❖ Pengalaman dalam menyertai pertandingan peringkat antarabangsa

Impak Kepada Institusi

- ❖ Meningkatkan kualiti program pastri yang ditawarkan
- ❖ Meningkatkan kecekapan tenaga pengajar dan pelajar
- ❖ Membentuk imej yang baik kepada institusi pengajian
- ❖ Menyediakan fasiliti program pastri yang bersesuaian
- ❖ Memotivasikan pensyarah dan pelajar

Pencapaian

Senarai Pencapaian (Pelajar)

KELAS PERTANDINGAN	NAMA PESERTA	PENCAPAIAN
Class GH01: DRESS A 2 TIER CAKE - Team of 2 Chefs	Nurul Dayana Binti Mustafa Nur Syasya Syamimi Binti Abdullah	Bronze
Class GH02: SWEET SENSATION Team of 2 Chefs	Ruvitha A/P Kartikesu Cheah Wen Ping	Bronze
Class GH02: SWEET SENSATION Team of 2 Chefs	Alia Zahirah Binti Zamri Aina Nabila Binti Mahadi	Diploma
Class M01: DRESS A TWO (2) TIER CAKE - A Team of 2 Chefs	Nur Aina Adlina Binti Saiful Adli Nor Hidayah Binti Saleh	Bronze

Senarai Pencapaian (Pensyarah)

KELAS PERTANDINGAN	NAMA PESERTA	PENCAPAIAN
Class M03: REAL CALIFORNIA MILK HIGH TEA SET - Team of 2 Chefs	Nursyamimi Binti Mohd Radzhi Siti Madihah Binti Zainol	Bronze
Class M03: REAL CALIFORNIA MILK HIGH TEA SET - Team of 2 Chefs	Fatin Balqish Binti Mohd Hanif Mahirah Binti Aisisa	Silver
Class M08: MODERN BREAD CREATION	Fatin Balqish Binti Mohd Hanif	Bronze
Class M08: MODERN BREAD CREATION	Nursyamimi Binti Mohd Radzhi	Diploma
Class M10: PLATED DESSERT (Asian/Western)	Alia Nabila Binti Hamzah	Diploma

Kesimpulan

Hasil daripada penyertaan pelajar dan pensyarah yang terlibat dalam pertandingan ini, diharap dapat memberikan impak yang positif kepada Kolej Komuniti Bayan Baru dalam melahirkan pelajar dan pensyarah yang mempunyai keupayaan dan berkemahiran yang berkualiti tinggi pada masa akan datang, seterusnya dapat mempamerkan bakat di pertandingan-pertandingan yang lebih besar pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



Program Merdeka 2022

Norhafizah Binti Abdul Rahman



Digarhayu Malaysia 2022

24 Ogos 2022 -16 September 2022- Kolej Komuniti Bayan Baru telah menganjurkan Program Merdeka Digarhayu Malaysiaku 2022

Objektif utama program ini adalah untuk memupuk dan menyemarakkan semangat patriotisme di kalangan pelajar dan kakitangan Kolej Komuniti Bayan Baru. Di samping itu, program ini menyediakan ruang agar pelajar menggunakan kreativiti mereka semasa melaksanakan program ini.

Program melibatkan semua warga Kolej Komuniti Bayan Baru. Di antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Wayang Laksamana (Kuiz), Sayembara Temenggong (Rakcipta Poster Digital Merdeka), Sayembara Bendahara (Tiktok Merdeka) dan Larian Syahbandar.

Program ini telah memberikan impak yang positif di kalangan peserta. Semangat patriotism dapat dipupuk di kalangan pelajar dan staf. Program telah menjadi platform untuk pelajar melibatkan diri di dalam bidang teknologi digital dan sukan.

Ini secara tidak langsung menjadi platform bagi staf dan pensyarah untuk mengenal pasti bakat pelajar seterusnya mencalonkan pelajar untuk ke peringkat lebih tinggi

Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh Pengarah Kolej Komuniti Bayan Baru yang dihadiri oleh warga Kolej Komuniti Bayan Baru.



MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI NEGERI PULAU PINANG 2022

Abda Hamida Binti D Abdul Hameed



Sub Tajuk: Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pulau Pinang Di Dewan Seri Mutiara Politeknik Seberang Perai

3 September 2022- Bertempat di Dewan Seri Mutiara Politeknik Seberang Perai. Majlis Konvokesyen merupakan permulaan bagi para graduan dalam mengorak langkah ke hadapan demi memajukan negara. Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti merupakan satu majlis yang diadakan secara tahunan mengikut zon bagi meraikan pelajar Kolej Komuniti yang telah berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya di Kolej Komuniti.

Majlis ini merupakan majlis yang dinantikan oleh setiap pelajar yang berjaya menamatkan pengajian. Majlis rasmi ini dirancang untuk meraikan lulusan Kolej Komuniti Pulau Pinang yang berjaya menamatkan pengajian mereka dengan jayanya. Semoga majlis konvokesyen ini, berlangsung dengan penuh gemilang dan dijadikan sebagai pencetus semangat para graduan Kolej Komuniti untuk terus mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.

Objektif Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 diharapkan dapat :

- i. Memberi pengiktirafan kepada lulusan yang telah tamat pengajian di Kolej Komuniti.
- ii. Memberi penghargaan kepada para lulusan yang telah banyak memberi sumbangan dan merangkul kejayaan semasa di Kolej Komuniti.
- iii. Memberi suntikan semangat lulusan untuk meneruskan kecemerlangan di lapangan pendidikan yang lebih tinggi.

Bilangan Lulusan

Semua lulusan kohort 3 (lulusan Jun 2019), dan Kohort 4 (lulusan Disember 2019) yang telah tamat pengajian dan diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi. Bilangan keseluruhan bakal graduan Kolej Komuniti Pulau Pinang ialah seramai 428 orang .

BIL	KOLEJ KOMUNITI	KOHORT 1	KOHORT 3	KOHORT 4	JUMLAH
1.	KEPALA BATAS		104	29	133
2.	TASEK GELUGOR	19	17	21	57
3.	SEBERANG JAYA		56	35	91
4.	BUKIT MERTAJAM		23	10	33
5.	BAYAN BARU		39	28	67
6.	NIBONG TEBAL		25	22	47
	JUMLAH	19	264	145	428



KURSUS ASAS PERTAHANAN AWAM PELATIH APM KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU 2022

MOHD MUNZIR BIN MAGHRIBI



KURSUS ASAS PERTAHANAN AWAM

Penubuhan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) di Kolej Komuniti adalah bermatlamat untuk melahirkan anggota sukarelawan yang berkeyakinan, berkepimpinan dan berkelayakan seiring dengan keperluan dalam Angkatan Pertahanan Awam (APM). Kerjasama strategik di antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan APM membuka peluang kepada seluruh warga kolej komuniti untuk menimba pelbagai sudut ilmu pertahanan awam yang mempunyai nilai yang tersendiri dalam mendepani pelbagai situasi kecemasan dan bencana.

Penganjuran Kursus Asas Pertahanan Awam adalah seiring dengan keperluan 'Garis Panduan PISPA Kolej Komuniti'; dimana setiap sukarelawan yang dilatih oleh APM perlu mengikuti kursus asas pertahanan awam bagi melayakkan pelatih memperolehi sijil serta nombor badan/nombor keanggotaan Pertahanan Awam.

❖ MPAK PROGRAM

Impak kepada peserta kursus/ pelatih APM

- Membantu pembangunan bakat pelajar serta menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan Asas Pertahanan Awam.
- Peserta kursus berkemampuan mempraktikkan kemahiran yang dipelajari sekiranya berlaku situasi-situasi kecemasan atau bencana.
- Peserta kursus akan merasa lebih bersemangat, berkeyakinan dan mampu menjalankan tugas kesukarelawanan apabila khidmat mereka diperlukan.
- Meningkatkan kefahaman peserta kursus berkenaan 'Standard Operating Procedure' (SOP) yang betul dalam merealisasikan pengurusan bencana.

Impak kepada Jabatan

- Jabatan dan sukarelawan sentiasa dalam keadaan siap siaga untuk menyertai misi-misi bantuan bencana.
- Misi bantuan bencana yang dilaksanakan akan menjadi lebih efisien dan menepati prosedur pengurusan bencana.
- Pengurusan dan pelaksanaan aktiviti PISPA di Kolej Komuniti Pulau Pinang akan berkembang lebih mantap, berfokus dan efisien.
- Program ini penting bagi memastikan jaringan kerjasama antara Kolej Komuniti Bayan Baru (KKBU) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) berterusan di masa hadapan.



AKTIVITI & PENCAPAIAN UNIT SUKAN KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU 2022

NOR AZMAN BIN JAMALUDIN & ABD RAHIM BIN CHE RUS



PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU DALAM AKTIVITI SUKAN TAHUN 2022

Unit Sukan merupakan satu unit yang terdapat di dalam Unit Pembangunan Pelajar bagi mengurus serta melaksanakan aktiviti-aktiviti sukan dan kecergasan kepada pelajar Kolej Komuniti Bayan Baru. Setelah hampir 2 tahun tidak dapat melaksanakan aktiviti sukan secara terbuka kerana pandemik Covid 19, tahun 2022 membuka lembaran baru kepada pelajar KKBU untuk kekal cergas semula dengan menyertai pelbagai aktiviti kesukanan yang berlangsung sepanjang tahun.

Aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar KKBU pada tahun 2022 adalah :

- Senaman Pagi *Fit and Active* – Sepanjang tahun setiap hari rabu 8-9am
- Bengkel Pemilihan Atlet Woodball Kolej Komuniti Malaysia 2022 (9 Mac 2022) di Kolej Komuniti Sungai Siput, Perak
- Kejohanan Sirkuit Woodball Tertutup Pulau Pinang 2022 (27 Mac 2022) di Vision Park, Kepala Batas, Pulau Pinang.
- E-Sport KKKB Mobile Legend Bang Bang (MLBB) Challenge 2022 (27 Mac 2022), dalam talian
- Klinik Asas Bola Jaring 2022 (30 Mac 2022) di Kompleks Sukan Komuniti Pinang Tunggal, Kepala Batas, Pulau Pinang.
- Kejohanan Olahraga IPT 2022 (Sirkuit 2), (20-22 Mei 2022) di Stadium Kangar, Perlis.
- Kejohanan Badminton Peringkat Kolej Komuniti Pulau Pinang Tahun 2022 (20 Jun 2022) di Jesselball Sport Centre, Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang.
- Program Lets Get Fit (25 Jun 2022) di Kompleks Belia dan Sukan, Batu Uban, Pulau Pinang.
- Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 (12-21 Ogos 2022) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.
- Sambutan Hari Belia Negara Daerah Timur Laut 2022 (28 Ogos 2022), Kompleks Belia Sukan, Batu Uban, Pulau Pinang.
- Kejohanan Petanque Peringkat Kolej Komuniti Pulau Pinang Tahun 2022 (22 September 2022) di Padang Petanque Kolej Komuniti Seberang Jaya, Pulau Pinang.
- Program Fiesta Feminim 2022 Peringkat Negeri Pulau Pinang (25 September 2022) di Gelanggang Tunas Muda, Bayan Baru, Pulau Pinang.
- Sambutan Hari Sukan Negara 2022 (8 Oktober 2022) di Sekolah Kebangsaan Balik Pulau, Pulau Pinang.

Kepelbagaian aktiviti dan kejohanan memberi peluang kepada ramai pelajar untuk bersukan dan secara tidak langsung pihak kolej dapat mencungkil bakat sukan dikalangan pelajar. Penyertaan beberapa pelajar dalam acara sukan di peringkat Kebangsaan akan dapat memberi motivasi kepada pelajar lain serta memberi impak yang positif kepada pembangunan sukan untuk kolej komuniti.



Aktiviti & Pencapaian Unit Sukan Kolej Komuniti Bayan Baru 2022



HARI ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR KKBU 2022

Mohd Munzir Bin Maghribi



Hari Anugerah Kecemerlangan Pelajar KKBU 2022

Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar KKBU 2022 diadakan pada tahun ini bagi menganugerahkan penghargaan kepada para pelajar Kolej Komuniti Bayan Baru di atas usaha mereka yang telah cemerlang dalam bidang akademik Sesi 1 / 2021.

Majlis ini diadakan kembali setelah kerajaan Malaysia memberi kebenaran untuk mengadakan program tanpa perlu melakukan penjarakkan sosial tetapi dalam keadaan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Selain itu, ia juga bertujuan membuktikan visi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu



Pendidikan Tinggi Berkualiti, Insan Cemerlang, Negara Sejahtera serta misi KPT Melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara tercapai.

Hasil yang akan dicapai dan diperolehi daripada pelaksanaan program kepada:

- ❖ Pelajar – Memotivasikan pelajar untuk lebih berusaha dan berdaya saing.
- ❖ Pensyarah – Mengenalpasti pelajar yang berkebolehan untuk dibawa ke pertandingan.
- ❖ Komuniti – Mendapat hasil yang bermutu apabila mereka membeli produk buatan pelajar tersebut.
- ❖ Industri – Mendapat pekerja yang berkebolehan.
- ❖ *Return on Investment (ROI)* – Kolej Komuniti Bayan Baru akan mendapat lebih ramai individu yang berminat untuk belajar dalam bidang yang ditawarkan oleh Kolej tersebut.



Perhimpunan Bulanan Pensyarah dan Staf Kolej Komuniti Bayan Baru Tahun 2022

Fadzliyana binti Fadzil



Majlis Perhimpunan Bulanan Pensyarah dan Staf Kolej Komuniti Bayan Baru

21 Jan – Pihak Pengurusan Kolej Komuniti telah menganjurkan satu Majlis Perhimpunan Bulanan Pensyarah dan Staf Kolej Komuniti Bayan Baru yang telah dikendalikan oleh Unit Pentadbiran, Unit Pengurusan Maklumat dan Korporat dan Unit Pembangunan.

Objektif utama Majlis Perhimpunan Bulanan Pensyarah dan Staf Kolej Komuniti adalah untuk menyemai nilai-nilai murni, memupuk semangat bergerak ke arah satu haluan bagi mencapai matlamat kolej, kesejahteraan perkhidmatan awam dan menyampaikan pengumuman penting kepada warga kolej.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Negaraku, Lagu Kolej Komuniti dan Ikrar Perkhidmatan Awam. Kemudian, diteruskan dengan ucapan dan amanat daripada Pengarah iaitu Puan Mawar Qadijah binti Ishak serta tayangan video rangkuman aktiviti-aktiviti sepanjang Tahun 2021.

Bagi menghargai dan menyuntik semangat bekerja, beberapa anugerah telah disampaikan kepada penerima yang layak. Antara anugerah berdasarkan pencapaian yang diberikan ialah Anugerah Kehadiran Terbaik Tahun 2021, Anugerah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PSH Tahun 2021 dan Anugerah Bilangan Kehadiran Berkursus Tertinggi Tahun 2021. Para penerima anugerah telah membawa pulang Sijil Pencapaian dan Cenderahati.

Semoga pensyarah dan staf Kolej Komuniti Bayan Baru terus maju jaya dan menjadi pendorong kepada diri sendiri serta rakan seperjuangan yang lain untuk terus cemerlang pada masa akan datang. Diharapkan amanat serta perkongsian ilmu dapat menaikkan semangat warga KK Bayan Baru untuk terus mencapai kejayaan bersama dan menaikkan nama Kolej Komuniti Bayan Baru.

Mesyuarat Kolaborasi di antara Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti bersama Industri Spa dan Terapi Kecantikan

Mesyuarat Kolaborasi Diantara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej komuniti Bersama Industri Spa dan Terapi Kecantikan

Yeoh Kean Hun



Focus Group Discussion Industri Spa Dan Terapi Kecantikan

31 Mac 2022 – Bahagian Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK) telah mengadakan Mesyuarat Kolaborasi di antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej komuniti (JPPKK) bersama Industri Spa dan Terapi Kecantikan yang bernama Focus Group Discussion Industri Spa Dan Terapi Kecantikan bertempat di Kolej Komuniti Bayan Baru (KKBU).



Objektif utama program ini adalah memberi peluang kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan pihak industri Spa dan Terapi Kecantikan dan persatuan yang berkenaan seperti CEO@CC, Malaysia Association of Wellness Trainers (MAWT), Association of Malaysian Spas (AMSPA) dan persatuan Spa yang lain untuk hadir bersama dan membincang isu-isu dalam industri tersebut.

Pelbagai isu berkenaan seperti struktur program, sangkutan industry pensyarah (SIP), latihan industri, kolaborasi dan cadangan untuk penambahbaikan telah dibincang oleh para hadirin dalam mesyuarat. Selepas itu, lawatan tapak ke unit Terapi Kecantikan dan Spa KKBU juga dijalankan oleh para hadirin selepas mesyuarat. Pertemuan dan mesyuarat antara pihak JPPKK dan industri ini telah memberi satu platform yang bagus untuk semua pihak saling menukar idea dan cadangan berkenaan industry dan harap agar pertemuan ini akan diadakan lagi pada masa depan.



BUSSINESS INNOVATION PITCHING COMPETITION 2022 (BIPC) PERINGKAT KEBANGSAAN

ALIA NABILA BINTI HAMZAH



Aktiviti dan program dibawah kelolaan JPPKK dan Kolej Komuniti Kuala Langat.

5 – 8 September 2022 Program Bussiness Innovation and Pitching Competition (BIPC) 2022 Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar JPPKK dikelolakan oleh Kolej Komuniti Kuala Langat. Program ini dilaksanakan bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan idea dan produk perniagaan mereka menerusi Bussiness Pitching yang dapat memupuk minat pelajar melihat bidang keusahawanan sebagai laluan kerjaya. Program ini telah dijalankan dalam beberapa fasa secara dalam talian dan bersemuka yang merangkumi *virtual bootcamp*, penghantaran *video pitching*, *pitching bootcamp* dan penjurian akhir.

Objektif Program

Pertandingan ini merupakan pertandingan inovasi keusahawanan peringkat kebangsaan khusus kepada para pelajar seluruh Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia bagi melatih dan menguji kemantapan di dalam melakukan pembentangan idea dan produk/perkhidmatan mereka.

Pertandingan ini juga memberikan pendedahan kepada penyediaan *video pitching* yang berkesan *selari IR 4.0*, kritikal dan praktikal melalui aplikasi *Bussines Model Canvas (BMC)* dan melatih serta membimbing peserta dalam melakukan *business pitching* yang berkualiti dalam melahirkan golongan pelajar yang berkeyakinan tinggi dalam membentangkan idea/produk inovasi masing-masing.

Impak Program


- Memberikan pengalaman yang baharu dalam aktiviti pertandingan peringkat kebangsaan
- Memperolehi pelbagai kemahiran dan pengetahuan melalui program bootcamp
- Meningkatkan produktiviti dan kreativiti pelajar dan pensyarah dalam menghadapi sebarang bentuk pertandingan yang dianjurkan
- Membentuk imej yang baik kepada institusi pengajian
- Memotivasikan pensyarah dan pelajar

Pencapaian

No	Nama Peserta	Bidang	Nama Mentor	Pencapaian
1	Mohamad Syafiq Aiman Bin Zaman	Sijil Pastri	Alia Nabila Binti Hamzah	<ul style="list-style-type: none">Tempat Pertama untuk Kategori Idea Produk InovasiPembentang TerbaikTop 20 Finalist untuk ke peringkat akhir penjurian pertandingan
2	Sukphilin A/P Saris	Sijil Terapi Kecantikan dan SPA	Siti Elmiza Binti Bahron	<ul style="list-style-type: none">Top 20 Finalist untuk ke peringkat akhir penjurian pertandingan.

Kesimpulan

Hasil daripada penyertaan pelajar yang terlibat dalam pertandingan ini, diharap dapat memberikan impak yang positif kepada Kolej Komuniti Bayan Baru dalam melahirkan pelajar yang mempunyai keterampilan dan sentiasa dapat menghasilkan idea-idea dalam bidang keusahawanan yang boleh membantu dan memberi semula sumbangan mereka kepada komuniti



Experiential Learning Pelajar Khas Sijil Asas Pastrri Kolej
Komuniti Bayan Baru 2022

Yeoh Kean Hun



Experiential Learning Pelajar Khas Sijil Asas Pastrri

28 Mac 2022 – 01 April 2022 Unit Kolaborasi dan Keusahawanan (UKK), Kolej Komuniti Bayan Baru telah bekerjasama dengan pihak industri-Thesugarcream Enterprise menganjurkan satu Program Experiential Learning Pelajar Khas Sijil Asas Pastrri Kolej Komuniti Bayan Baru 2022 di Thesugarcream Enterprise.

Objektif utama program ini adalah memberi peluang kepada para pelajar khas mempelajari cara penghasilan kuih raya tradisional dan moden sehingga pembungkusan produk di suasana kerja industri yang sebenar. 10 pelajar khas telah menyertai program ini dan mereka diperkenalkan bahan-bahan mentah, peralatan yang perlu digunakan serta teknik-teknik untuk menghasilkan produk dan akhirnya pembungkusan. Perkongsian dari pihak industri dalam penyediaan tempat, bahan dan peralatan telah membantu pelaksanaan program ini dijalankan dengan lancar dan berjaya.

Program selama 5 hari ini telah berjaya dilaksanakan dan pelajar-pelajar khas telah berjaya menghasilkan kuih raya tradisional dan moden. Majlis penandatanganan sijil kolaborasi pun telah dilaksanakan pada hari terakhir. Secara tidak langsungnya, pihak industri telah memberi peluang kepada pelajar-pelajar Sijil Asas Pastrri Kolej Komuniti mendekati diri dengan senario sebenar di dalam bidang pekerjaan dan merasai pencapaian penghasilan produk dengan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dengan berjaya.

Experiential Learning Pelajar Khas Sijil Asas Pastrri Kolej Komuniti Bayan Baru 2022

Ini dapat meningkatkan kemahiran mereka melalui pembelajaran yang sebenar di tempat industri dan meningkatkan keyakinan diri pada diri mereka untuk bekerja pada masa depan. Program ini juga menjadi pemangkin dan pendorong untuk lebih kerjasama di antara pihak industri dan institusi sama ada melibatkan pembelajaran dan proses experiential learning atau lain-lain.



Program Semarak Cinta Ramadhan 2022

HASNAH BINTI HASSAN



April 2022 - Sesungguhnya bulan Ramadhan merupakan bulan yang sentiasa dinantikan kerana ia dipenuhi dengan keberkatan dan kerahmatan. Umat Islam seharusnya menerima kehadiran Ramadhan dengan penuh kegembiraan dan berusaha merebut segala ganjaran yang dijanjikan kepada hamba-Nya yang berpuasa dan melakukan amalan soleh. Ibadah puasa yang telah difardhukan ini mengandungi pelbagai rahsia dan hikmah yang perlu diketahui agar kita berupaya menghayati dan melaksanakannya dengan penuh keikhlasan.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh Kolej Komuniti Bayan Baru sepanjang bulan Ramadhan pada tahun ini ialah:

- ❖ Program Ceramah / Tazkirah Ramadhan
- ❖ Tadabbur/Tadarus Al-Quran
- ❖ Pertandingan Tahfiz Muda
- ❖ Video Raya KKBU 2022
- ❖ Ketuk-Ketuk Ramadhan
- ❖ Aktiviti untuk Pelajar Bukan Islam

Semoga program-program yang telah dijalankan ini dapat meningkatkan penghayatan Ramadhan dikalangan warga Kolej Komuniti Bayan Baru



Kursus Akaun Amanah Latihan Khas Pengurusan Jenazah

HASNAH BINTI HASSAN



22 Jun 2022 - Unit Pengajian Am Kolej Komuniti dengan kerjasama Pusat Zakat Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Akaun Amanah Latihan Khas Pengurusan Jenazah bertempat di Masjid Umar Al-Khattab , Bayan Baru. Kursus ini telah dihadiri oleh 26 orang staf dan 64 orang pelajar Kolej Komuniti Bayan Baru.

Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan latihan amali kepada staf dan pelajar sekiranya berlaku kematian . Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi ceramah teori cara pengurusan jenazah dan amali memandikan, mengkafankan dan menyembahyangkan jenazah.

Semoga ilmu yang telah diperolehi akan dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian kerana kematian tidak menunggu usia tua.



PERTANDINGAN INOVASI KEUSAHAWANAN PIALA MENTERI PENGAJIAN TINGGI 2022

ALIA NABILA BINTI HAMZAH



Aktiviti dan program dibawah kelolaan Unit Keusahawanan

28 – 30 November 2022 – Pertandingan Inovasi Keusahawanan Piala Menteri Pengajian Tinggi 2022 (PUI 2022)

Objektif Program

Pertandingan Inovasi Keusahawanan Piala Menteri Pengajian Tinggi 2022, Magnific Resources adalah daripada Kolej Komuniti Bayan Baru yang berjaya mara ke peringkat separuh akhir Pertandingan Usahawan Inovasi Piala Menteri Pengajian Tinggi. Pasukan ini merupakan antara 30 kumpulan daripada IPTA/IPTS dan PolyCC seluruh negara yang telah berentap merebut gelaran juara yang telah diadakan di Zenith Hotel, Putrajaya.

Tujuan Pertandingan ini juga adalah dalam melaksanakan 3 teras utama pelan tindakan keusahawanan iaitu memantapkan ekosistem keusahawanan yang bersinergi dan holistik, memperkasakan jaringan keusahawanan yang berimpak tinggi dan menekankan kepada keusahawanan yang berteraskan inovasi dan teknologi.

Impak Program

Impak Kepada Pelajar dan Pensyarah

- 1) Memberikan pengalaman yang baharu dalam aktiviti pertandingan peringkat Kementerian Pengajian Tinggi.
- 2) Memperolehi pelbagai kemahiran dan pengetahuan melalui bootcamp yang dijalankan
- 3) Meningkatkan produktiviti dan kreativiti pelajar dan pensyarah dalam menghasilkan produk inovasi yang mempunyai potensi pasaran dalam dan luar negara.

Impak Kepada Institusi

- 1) Membentuk imej yang baik kepada institusi pengajian
- 2) Memotivasikan pensyarah dan pelajar
- 3) Memberi pendedahan kepada IPT/IPTA/IPTS potensi pelajar Kolej Komuniti

Kesimpulan

Hasil daripada penyertaan pelajar yang terlibat dalam pertandingan Inovasi Keusahawanan Piala Menteri Pengajian Tinggi ini, diharap dapat memberikan impak yang positif kepada Kolej Komuniti Bayan Baru dalam melahirkan pelajar yang mempunyai daya usaha dalam memperkasakan dan melestarikan idea produk yang mempunyai ciri-ciri inovasi dalam menceburi bidang perniagaan di masa akan datang.



Program A&Q : IR 4.0 Merentas Kurikulum

Norhafizah Binti Abdul Rahman

16-22 Januari 2022



IR 4.0 Merentas Kurikulum

16-22 Januari 2022- Unit Pengajian Am dengan kerjasama Unit Jaminan Kualiti telah menganjurkan satu program bertajuk Program A&Q : IR 4.0 Merentas Kurikulum bertempat di Kolej Komuniti Bayan Baru

Objektif utama program ini adalah untuk membudayakan penerapan elemen IR 4.0 di dalam proses pengajaran dan pembelajaran terutamanya di dalam kursus Pengajian Am seterusnya memenuhi keperluan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK)

Program ini telah disertai oleh semua pelajar semester 1 dan semester 3 Kolej Komuniti Bayan Baru. Terdapat 2 aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program ini. Aktiviti tersebut adalah P2P (*Peer-to-Peer*) Challenges (Mencipta video) dan *Let The OBE Speak* (Kuiz)

Program ini telah berjaya mencungkil bakat pelajar dalam mengaplikasikan pengetahuan teknologi digital yang kreatif di dalam persekitaran pembelajaran mereka. Ini sekaligus dapat memenuhi keperluan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) di dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di Kolej Komuniti Baru



PENERANGAN PROJEK

Nama Produk: Kek Batik Karamel Premium

Bahan yang Digunakan:-

1. Mentega	2. Gula Perang	3. Whipping Cream
4. Susu Pekat	5. Biskut Cream Cracker	6. Chocolate Chip
7. Chocolate Rice	8. Badam	9. Dark Chocolate Compound

TEMPAT PERTAMA
KEK BATIK KAMEL (SPT 4B)

POWTOOL



TEMPAT KEDUA
KEK AISKRIM (SPT 4B)



TEMPAT KETIGA
PISANG NUGGET (SPT 4C)

2. CAMPUR PISANG, GARAM, SUSU MANSIS DAN SPNYA



Alamat :
KOLEJ KOMUNITI BAYAN BARU,
No. 2, Persiaran Paya Terubong 1,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Telefon :
+60-046460011
Faks :
+60-046460022

E-mel :
pentadbiran.kkbu
@kkbba.edu.my

Laman web :
kkbayanbaru.
mypolycc.edu.my